

**PERATURAN-PERATURAN MEMBAWA KENDERAAN DI DALAM
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)
(BAHAGIAN KESELAMATAN)**

1. Pengguna-pengguna jalanraya di dalam kampus adalah tertakluk kepada peraturan KUIS dan Akta Pengangkutan Jalan (1987).
2. Setiap kenderaan pegawai yang masuk ke kampus hendaklah mempunyai pelekat kenderaan yang sah.
3. Setiap kenderaan pelawat yang masuk ke KUIS atas urusan pejabat dikehendaki mengambil pas pelawat.
4. Pelekat kereta hendaklah dipamerkan di **penjuru (kanan)** atas cermin hadapan kenderaan dan bagi motosikal pula hendaklah dipamerkan di bahagian **hadapan** bagi memudahkan pelekat tersebut dapat dilihat.
5. Pelekat kenderaan **tidak boleh** dipindah milik atau dipalsukan, jika didapati bersalah pelekat yang dirampas tidak akan dikembalikan.
6. Had laju di dalam kampus **tidak melebihi 35 km/j**. Sila perlahankan kenderaan semasa melalui pintu utama ke KUIS.
7. Setiap pegawai diminta memberi kerjasama ketika pemeriksaan keselamatan dijalankan.
8. Sekiranya berlaku sesuatu **kemalangan** di dalam kawasan kampus hendaklah dilaporkan ke pihak Keselamatan atau pihak berkuasa Kolej Universiti secepat mungkin.
9. Kenderaan-kenderaan hendaklah **diparkir** di tempat yang dikhaskan sahaja atau di tempat yang diarahkan oleh pihak Keselamatan.
10. Kebenaran boleh **ditarik balik** oleh pihak Keselamatan pada bila-bila masa jika arahan-arahan lalulintas di dalam kampus tidak dipatuhi.

Disediakan oleh:
MUHAMMAD SHUHAIMI ALANG AZIDDIN